



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**LAWATAN KERJA RASMI MENTERI KESIHATAN KE BANGKOK,
THAILAND DARI 22 OGOS HINGGA 25 OGOS 2022**

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berlepas ke Thailand hari ini bagi memenuhi jemputan Timbalan Perdana Menteri Thailand merangkap Menteri Kesihatan Awam, TYT Anutin Charnvirakul untuk mengadakan lawatan kerja bilateral kesihatan bermula 22 hingga 24 Ogos 2022 sebelum menghadiri Mesyuarat Peringkat Tertinggi Kesihatan dan Ekonomi (*High-Level Meeting on Health and Economy - HLMHE*) Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di Bangkok pada 25 Ogos 2022.

Lawatan kerja rasmi ini turut diiringi pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dalam rangka lawatan kerja rasmi tersebut, beliau akan membuat lawatan ke Pejabat Farmaseutikal Kerajaan (GPO) untuk diberikan taklimat mengenai dasar kanabis di negara itu termasuklah amalan, kaedah penanaman, kajian serta penggunaan kanabis dan ketum bagi tujuan kesihatan di Thailand.

YB Khairy Jamaluddin dijangka akan mengadakan pertemuan dengan pemain penting dalam industri kanabis dan ketum di Thailand selain mengunjungi *Siam Cannabis Land*, di mana beliau akan melihat kaedah penanaman di dalam dan luar premis (*indoor and outdoor plantation*), rumah hijau dan bilik pengeringan.

Selain itu, beliau dan delegasi akan membuat lawatan ke *Bumrungrad International Hospital*, yang merupakan antara hospital swasta terbesar di Asia Tenggara dan juga Institut Psikiatri Somdet Chaopraya bagi melihat perkhidmatan kesihatan mental dan kaedah rawatan yang diberikan kepada pesakit.

Julai lalu, YB Khairy Jamaluddin menyatakan bahawa satu rangka kerja berhubung pendaftaran produk *cannabidiol* (CBD) tertentu akan diumumkan. Melalui lawatan bilateral ini, KKM berpeluang meneroka potensi penggunaan kanabis dan ketum dalam bidang kesihatan serta merangka strategi kawal selia dan penguatkuasaan undang-undang terhadap penggunaannya.

Untuk makluman, Thailand merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang memberi kelonggaran undang-undang dan membenarkan kanabis untuk digunakan bagi tujuan perubatan. Lawatan bilateral kesihatan ini juga akan menjadi platform terbaik KKM untuk pendedahan dan penelitian berhubung kajian-kajian antarabangsa berkaitan kanabis/ketum termasuk hasil dapatan ujian-ujian klinikal kanabis untuk tujuan kesihatan.

Pada masa yang sama, lawatan ini juga akan membuka peluang kolaborasi peringkat antarabangsa untuk mana-mana entiti swasta/penyelidikan menjalankan kajian dan ujian klinikal ke atas kanabis/ketum, membangunkan inovasi perubatan dan seterusnya meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan di Malaysia.

Sementara itu, YB Menteri Kesihatan dijadual untuk menghadiri Mesyuarat Peringkat Tertinggi Kesihatan dan Ekonomi (HLME) APEC pada 25 Ogos 2022 sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur. Komitmen Malaysia memenuhi jemputan lawatan rasmi bilateral kesihatan berhubung penggunaan kanabis dan ketum bagi tujuan kesihatan serta menghadiri mesyuarat HLMHE APEC membuktikan Malaysia adalah konsisten dan komited dalam setiap kerjasama di peringkat antarabangsa.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

22 OGOS 2022